PERCUMA

buletin Mutiara

BERSATU DAN SETIA




16 – 31 Ogos 2012

http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

***Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Ke-55 & Hari Malaysia.***

# "Sebangsa, Senegara, Sejiwa" – tema Merdeka P. Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri sebulat suara mengumumkan tema menyambut Hari Kebangsaan tahun ini 'Sebangsa, Senegara, Sejiwa', selaras dengan keputusan kepimp inan Pakatan Rakyat (PR).

Dalam kenyataan media Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman berkata bahawa Kerajaan Negeri menggunakan tema tersebut sekaligus membuktikan bahawa PR sepakat dalam melakukan sesuatu perkara dan bukannya seperti dakwaan sesetengah pihak yang menyatakan PR wujud ketidaksefahaman dalam parti.

"Pulau Pinang seperti negeri-negeri PR lain sentiasa mendokong semangat setiakawan, sepakat dan menghormati persetujuan secara bersama dan sebulat suara.

"Ini terbukti bahawa tohmahan dan kata-kata 'enak' yang menyatakan PR tidak sependapat meleset sama sekali," kata beliau di sini baru-baru ini.

ULANG TAHUN KEMERDEKAAN & HARI MALAYSIA
"Sebangsa, Senegara, Sejiwa"

**LOGO Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia PR.**



**TUAN Yang diPertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas (tiga dari kanan) dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff (tiga dari kiri) menerima kunjungan Ketua Menteri, Y.A.B. Lim Guan Eng dan isteri, Betty Chew (dua dari kiri) serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus (kanan sekali) dan isteri, Datin Hamidah Mat Daud (kiri sekali) pada pagi 1 Syawal di Seri Mutiara di sini baru-baru ini. *(Gambar oleh Law Suun Ting).***

# Program Pelajar Emas – daftar segera!

**GEORGE TOWN –** Walaupun gagal mendapatkan kerjasama penuh daripada sebahagian sekolah berhubung pendaftaran Program Pelajar Emas, sumbangan RM100 kepada setiap pelajar Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 turut akan disempurnakan pada 16 September ini oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, majlis penyampaian sumbangan akan diteruskan walaupun pihaknya terpaksa mengambil inisiatif sendiri melaksanakan pendaftaran melalui pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di seluruh negeri ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah memaklumkan kepada semua ADUN berhubung program ini dan borang-borang juga telah diedarkan.

"Justeru, ibu bapa boleh ke pejabat ADUN berdekatan dan masing-masing untuk tujuan pendaftaran bagi mendapatkan wang sumbangan ikhlas bernilai RM100 daripada Kerajaan Negeri kepada anak-anak yang menuntut di Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4," katanya pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Program Pelajar Emas adalah lanjutan daripada program-program kebajikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) di sini. Melalui program tersebut, pelajar yang menuntut di Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 dan Tingkatan 4 adalah layak memperoleh sumbangan RM100 setiap seorang.

Tambah Boon Poh, pihaknya kini dalam proses mencetak borang pendaftaran baru berhubung pelaksanaan program berkenaan.

"Ini kerana, sebanyak 120,000 borang telah dicetak dan diedarkan kepada semua sekolah di negeri ini pada April lalu, namun, hanya sebahagian kecil yang memulangkan dengan borang pendaftaran lengkap dan selebihnya tidak memberi sebarang maklum balas.

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) menyeru supaya borang-borang tersebut dikembalikan semula bagi membolehkan ia digunakan dengan sebaik mungkin," seru beliau.

Katanya lagi, Mesyuarat Exco yang berlangsung pada 15 Ogos lalu turut bersetuju agar peruntukan program bernilai RM11 juta dibawa ke tahun depan (2013) sekiranya ia tidak habis digunakan pada tahun ini.

**INFO : PENDAFTARAN PROGRAM PELAJAR EMAS**

Borang pendaftaran boleh diperoleh di pejabat ADUN, Ahli Parlimen, Pegawai Penyelaras KADUN & pejabat daerah. (Borang yang lengkap perlu dikembalikan kepada pihak sama).

**Syarat-syarat :**

- Semua pelajar Tahun 1, Tahun 4, Tingkatan 1 & Tingkatan 4.
- Anak mestilah seorang warganegara Malaysia.
- Ibu atau bapa adalah seorang pemilih berdaftar dengan Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia (SPR) di negeri Pulau Pinang.

**Dokumen-dokumen diperlukan :**

- Salinan kad pengenalan anak (jika ada).
- Salinan sijil kelahiran anak.
- Salinan kad pengenalan bapa dan ibu.

# Waris & ibu tunggal 5 daerah terima sumbangan KN

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**GEORGE TOWN -** Seramai 1,148 waris kepada warga emas berdaftar di bawah Program Penghargaan Warga Emas yang telah meninggal dunia menerima sumbangan pengurusan jenazah bernilai RM1,000 (setiap seorang) membabitkan lima daerah di seluruh negeri ini di sini baru-baru ini.

Daripada jumlah itu, 263 waris adalah dari Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Seberang Perai Tengah (160), Daerah Seberang Perai Selatan (76), Daerah Timur Laut (513) dan Daerah Barat Daya (136).

Serentak itu, seramai 1,536 ibu tunggal turut menerima sumbangan bernilai RM100 daripada Kerajaan Negeri di majlis-majlis sama yang diadakan.

Seramai 412 ibu tunggal adalah dari Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Seberang Perai Tengah (329), Daerah Seberang Perai Selatan (165), Daerah Timur Laut (448) dan Daerah Barat Daya (182). Sumbangan RM100 merupakan sumbangan tahunan yang diberikan kepada golongan ibu tunggal di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang hadir di kelima-lima daerah untuk menyampaikan sendiri sumbangan tersebut menyatakan bahawa sumbangan khairat kematian bernilai RM1,000 kepada waris adalah untuk pengurusan jenazah waris masing-masing.

"Walaupun sumbangan yang disampaikan kecil, tetapi ia diharap dapat mengurangkan beban ditanggung keluarga masing-masing,'' katanya baru-baru ini.



PEGAWAI Penyelaras KADUN Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar (kanan sekali) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada majlis penyampaian peringkat Daerah Seberang Perai Selatan.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (dua dari kiri) sambil ditemani Ketua Menteri menyampaikan sumbangan kepada penerima bagi peringkat daerah Seberang Perai Tengah.



PEGAWAI Penyelaras KADUN Permatang Berangan, Arshad Md. Salleh (kanan sekali) dan Pegawai Daerah Seberang Perai Utara, Jusni Ismail (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada penerima peringkat daerah berkenaan.



SPEAKER Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain (kanan sekali) mendengar penjelasan daripada salah seorang penerima pada majlis penyampaian peringkat Daerah Barat Daya.

**SINDIR MUTIARA** Oleh: **SAM**



# Pelajar ke IPTA terima RM1,000



BARISAN kepimpinan negeri diketuai Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman (depan enam dari kanan) bergambar bersama-sama 262 pelajar pada Majlis Peyampaian Bantuan Pendaftaran ke IPTA Peringkat Diploma Tahun 2012 di Auditorium A, Komtar di sini baru-baru ini.

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Seramai 262 daripada 298 pelajar yang terpilih melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma menerima insentif sumbangan daripada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) sebanyak RM1,000 setiap seorang pada Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) Peringkat Diploma Tahun 2012 (i-BiTA) di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pemberian sumbangan buat tahun kedua tersebut adalah sebagai bantuan bagi mengurangkan beban ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke universiti.

"Menyedari akan hakikat bahawa kos sara hidup dan inflasi yang semakin meningkat, ia telah mendorong Kerajaan Negeri PR Pulau Pinang mengambil keputusan untuk meluluskan peruntukan hampir RM2 juta demi membantu rakyat negeri ini. Kita sedar bahawa bukan semua orang yang mampu.

"Lazimnya, Kerajaan Negeri tidak akan pinjam wang untuk berikan wang kepada rakyat kerana dengan cara meminjam wang, ia bukanlah satu contoh yang baik bagi menggalakkan masyarakat menabung.

"Sebaliknya, hasil daripada urus tadbir yang bersih dan untung saban tahun yang membolehkan kami (Kerajaan Negeri) mewujudkan program sebegini," ujarnya ketika ucaptama Majlis Penyampaian Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPTA Peringkat Diploma Tahun 2012 di Auditorium A, Komtar di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan 2,009 pelajar dengan peruntukan sebanyak RM2,009,000 untuk tahun 2011 iaitu peningkatan sekali ganda daripada jumlah permohonan diluluskan bagi tahun 2010 membabitkan 1,000 pelajar.

Manakala, pemberian insentif tersebut juga telah dinaikkan sekali ganda menjadikan RM1,000 berbanding RM500 sebelum ini.

Bagi salah seorang penerima, Mohammad Faizulwan Ahmad, 19, beliau bersyukur dengan pemberian insentif yang dianggapnya dapat digunakan untuk membeli kelengkapan pelajaran.

"Syukur terpilih mendapat sumbangan ni (ini), boleh juga digunakan untuk membeli sebuah komputer riba bagi memudahkan proses pembelajaran dan sekaligus dapat mengurangkan beban ibu bapa kerana saya anak sulung," ujar pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal Universiti Teknologi Mara (UiTM), Permatang Pauh kepada Buletin Mutiara di sini.

Sementara itu, dalam majlis berlainan, seramai 28 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2011 (sesi tambahan) telah diraikan dalam sebuah majlis ringkas dengan penyampaian sumbangan sebanyak RM250 setiap seorang.

Guan Eng ketika ucaptamanya turut berkongsi tiga resipi kejayaan sekiranya seseorang ingin terus cemerlang dan berada pada tahap lebih tinggi.

"Pertama, sebelum dan selepas seseorang pelajar menjadi cemerlang, beliau perlu mempunyai tiga aspek yang perlu dikuasai sepenuhnya iaitu Bahasa Inggeris yang merupakan bahasa dunia dan bukannya setakat untuk menguasai ilmu pengetahuan sahaja.

"Kedua, komputer dan *internet* (*digital intelligence*). Ketiga, *character information*. Kadang-kadang terdapat pelajar yang cemerlang tetapi tidak boleh menguruskan kegagalan serta berhadapan dengannya. Proses kegagalan adalah salah satu jalan untuk lebih berjaya. Jangan takut untuk gagal kerana tidak ada jalan mudah untuk menemui kejayaan," ujar beliau.

# Sumbangan KN adil kepada semua

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**SEBERANG JAYA –** Kerajaan Negeri sekali lagi membuktikan bahawa sumbangan kepada rakyat negeri ini adalah adil tanpa pilih kasih, mengira latar belakang serta fahaman politik.

Buktinya adalah ekoran pelaksanaan majlis penyampaian kepada golongan miskin tegar yang mana membabitkan 40 peratus penerima adalah dari Parlimen pembangkang di Kepala Batas dan Tasek Gelugor manakala 58.2 peratus adalah dari 11 kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) pihak sama.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyerahkan sumbangan kepada 30 orang kurang upaya (OKU) dan tujuh miskin tegar di Kompleks Masyarakat Penyayang di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Secara keseluruhan, seramai 6,247 OKU menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan daripada jumlah itu, 1,266 individu menerima secara tunai manakala 4,981 adalah melalui baucer. Jumlah penerima miskin tegar adalah seramai 816 orang sehingga Jun lalu .

Menurut Guan Eng, ekoran taraf hidup yang semakin meningkat, jumlah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) ditetapkan Kerajaan Negeri bagi setiap isi rumah pada tahun ini telah ditingkatkan kepada RM600 dan perkapita adalah RM120 sebulan berbanding tahun sebelumnya, RM500 dan perkapita RM100 sebulan.

"Peningkatan itu adalah sebagai usaha menghapuskan kemiskinan di negeri ini secara menyeluruh tanpa membeza-bezakan latar belakang seseorang individu," jelas beliau.




PHEE Boon Poh (barisan belakang kiri sekali) bergambar bersama-sama penerima sumbangan peringkat Daerah Timur Laut dan Barat Daya di sini baru-baru ini.




KETUA Menteri menyerahkan sumbangan kepada salah seorang kanak-kanak.

# RM2.79 juta zakat diagih kepada fakir miskin

**SEBERANG JAYA** – Sejumlah RM3,443,972 zakat fitrah telah diserahkan Zakat Pulau Pinang (ZPP) kepada Yang DiPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Datuk Mohd. Salleh Man di sini baru-baru ini.

Daripada jumlah itu, RM2,785,600 telah diagihkan kepada 9,125 individu yang dikategorikan sebagai fakir miskin di seluruh negeri oleh ZPP.

Agihan berkenaan melibatkan sumbangan RM350 kepada 962 golongan fakir dan RM300 kepada golongan miskin (8,152).

Mohd. Salleh ketika ditemui berkata, tahun lalu, ZPP berjaya mengutip RM4.07 juta dari seluruh qaryah di Pulau Pinang dengan jumlah pembayar zakat 585,000 orang.

“Tahun ini, ZPP menyasarkan kutipan sebanyak RM4.1 juta” kata Mohd. Salleh yang juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir.

Dalam pada itu, sebanyak 228 pusat kutipan termasuk kaunter-kaunter ZPP telah dibuka sejak awal Ramadhan lalu bagi urusan pembayaran zakat fitrah dengan kadar RM7 seorang.



MOHD. Salleh Man (kiri sekali) menyerahkan replika cek kepada Pengerusi ZPP, Ellias Zakaria (kanan sekali) sambil diperhatikan Mufti Pulau Pinang, Datuk Hassan Ahmad.

## Keluarga mendiang Loga *‘Alleycats’* terima sumbangan

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri menyampaikan sumbangan bencana bernilai RM5,000 kepada keluarga penyanyi kumpulan popular *Alleycats*, mendiang Datuk A. Loganathan atau lebih dikenali sebagai Loga rentetan kediaman mereka musnah dalam kejadian kebakaran di sini baru-baru ini.

Sumbangan disampaikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kepada anak lelaki mendiang, Vignesh Waran, 29 di pejabat beliau di sini.

Vignesh yang ditemani adik perempuannya, Darsha Logan, 24 berkata bahawa sumbangan tersebut amat bermakna buatnya sekeluarga memandangkan mereka terpaksa membina semula kehidupan selepas bencana berkenaan.

“Permulaan yang baru buat kami sekeluarga, permulaan yang pastinya lain dari sebelumnya.

“Terima kasih atas sumbangan yang disampaikan, ia sedikit sebanyak meringankan bebanan kami sekeluarga,” ujar Vignesh ringkas pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.

Isteri mendiang, Datin Susan Lovie bagaimanapun tidak dapat hadir ke majlis penyerahan tersebut atas beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.

Dalam kejadian baru-baru ini di Jalan Azyze, Tanjong Bungah, tingkat atas rumah dua tingkat milik mendiang Loga musnah dalam kejadian kebakaran yang turut menempatkan pelbagai koleksi peribadi beliau ketika giat di arena muzik.

Turut musnah, perabot, peralatan rumah, koleksi piring hitam dan pelbagai barangan berharga termasuk wang tunai dan barang kemas.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman; Timbalan Ketua Menteri II, Profesor Dr. P. Ramasamy dan Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.


KETUA Menteri menyampaikan sumbangan bencana kepada Vignesh Waran (kiri sekali) sambil diperhatikan Dr. P. Ramasamy (dua dari kiri), Phee Boon Poh (dua dari kanan) dan Mansor Othman (kanan sekali) pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.




**WAKIL Era Kemas menyerahkan surat persetujuan untuk merunding semula dengan penduduk kepada Ketua Menteri sambil diperhatikan Mansor Othman (tiga dari kiri) serta ADUN-ADUN lain yang hadir.**

# Pemaju, penduduk Kg. Batu Uban setuju nasihat KN 'runding semula'

**GEORGE TOWN -** Pemaju, Era Kemas akhirnya bersetuju untuk berunding semula dengan kesemua 22 penduduk Kampung Batu Uban seperti yang dinasihatkan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Persetujuan itu sekaligus membatalkan notis pengosongan rumah dalam masa 14 hari yang diserah kepada penduduk pada 18 Ogos 2012, iaitu sehari sebelum Hari Raya Puasa.

"Terima kasih Y.B. (Guan Eng) kerana 'masuk' dalam hal ini dan saya menerima nasihat untuk menarik balik surat itu (notis pengosongan rumah)," kata wakil pemaju berkenaan dalam satu sidang media di Komtar baru-baru ini.

Hadir bersama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, S. Raveentharen (Ahli Dewan Undangan Negeri/ ADUN Batu Uban), Datuk Abdul Malik Abul Kassim (ADUN Batu Maung), Sim Tze Tzin (ADUN Pantai Jerejak) dan Datuk Mohd. Salleh Man (ADUN Permatang Pasir merangkap Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, MAINPP).

Menurut wakil pemaju, pihak peguamnya akan menghantar notis susulan kepada penduduk berwajib bagi membatalkan arahan mengosongkan tanah kampung berkenaan yang dijadualkan pada 31 Ogos 2012, iaitu pada Hari Kemerdekaan sebelum ini.

Sebelum pada itu, Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri tidak pernah campur tangan dalam perbincangan membabitkan pemaju dan kesemua penduduk berkenaan.

Namun, beliau berkata, Kerajaan Negeri berpendapat bahawa pemaju tidak patut menyerahkan notis sulung itu sehari sebelum Aidilfitri dengan penduduk diarah keluar sebelum Hari Kemerdekaan.

"Pemaju telah bersetuju bahawa surat (notis) tersebut akan ditarik balik dan mereka (pemaju) akan berbincang dengan penduduk, yang selama ini Kerajaan Negeri tak campur tangan.

"Kerajaan Negeri mula campur tangan apabila surat 'paksa pindah' ini diserahkan sehari sebelum (hari) Raya dan (penduduk diarah) berpindah sebelum Hari Merdeka," ujar Guan Eng.

Terdahulu, kebimbangan kesemua penduduk berkenaan dipanjangkan kepada Guan Eng dan Mansor melalui Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Iszuree Ibrahim.

Penduduk sebulat suara berpendapat bahawa mereka akan mengosongkan rumah masing-masing selepas diberi rumah transit oleh pemaju.

Ekoran itu, penduduk bersama-sama Guan Eng memberi 'kata dua' kepada pemaju, iaitu bersedia menghadapi halangan dari penguatkuasa negeri jika mahu merobohkan kediaman di kampung tersebut.

Kontroversi tersebut berakhir apabila pemaju dan penduduk masing-masing bersedia menerima cadangan Kerajaan Negeri untuk duduk berbincang serta mencari jalan penyelesaian secara bersama.




**PERBANDINGAN gambar yang menunjukkan keadaan Pasar Awam Jelutong lama dan yang siap dinaiktaraf.**

# Pasar Awam Jelutong siap dinaiktaraf

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**JELUTONG -** Pasar Awam Jelutong merupakan pasar awam ke-5 yang siap dan selesai dinaiktaraf Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) berdasarkan permintaan serta keperluan para peniaga selaras dengan dasar Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) Kerajaan Negeri yang mengutamakan keperluan rakyat.

Sebelum ini, Pasar Batu Maung, Pasar Ayer Itam, Pasar Lebuh Cecil dan Pasar Pulau Tikus merupakan pasar awam yang telah siap dinaiktaraf.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, projek menaiktaraf Pasar Awam Jelutong menelan belanja sebanyak RM810,370 membabitkan pertambahan tujuh gerai berbanding 86 yang asal.

"Antara bahagian yang dinaiktaraf adalah seperti lantai, pagar dan perparitan di perkarangan luar pasar. Bumbung pasar juga telah digantikan dengan bumbung telus cahaya supaya keadaan dalam kelihatan lebih ceria dan terang di samping penjimatan tenaga hijau," ujarnya ketika merasmikan projek naiktaraf Pasar Awam Jelutong di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Exco Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Danny Law Heng Kiang, Ahli Parlimen Jelutong, Jeff Ooi Chuan Aun, Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail dan Setiausaha Perbandaran MPPP, Ir. Ang Aing Thye.

Guan Eng menegaskan bahawa inisiatif tersebut merupakan julung kali pasar-pasar awam dinaiktaraf secara keseluruhan berbanding dahulu yang hanya dibaiki.

Dalam pada itu, beliau menyeru supaya semua pihak dapat menjaga Pasar Awam Jelutong yang berusia lebih 40 tahun dengan lebih baik agar ianya hijau, bersih dan selamat.

SEKITAR SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2012.

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : KOLEKSI BULETIN MUTIARA

# Anwar gembira rakyat, pemimpin kekal harmoni hadapi fitnah

**PENANTI –** Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim melahirkan rasa gembira kerana pentadbiran Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sejak empat tahun lepas berjaya mengekalkan keharmonian rakyat berbilang kaum sungguhpun menerima pelbagai fitnah daripada pembangkang di negeri berkenaan.

Ahli Parlimen Permatang Pauh itu meluahkan perasaan demikian pada satu sidang media ringkas sempena Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri bersama-sama Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman baru-baru ini di Jalan Guar Perahu di sini.

Pun begitu, Anwar berkata, pembangkang Pulau Pinang akan terus mengada-adakan fitnah demi memecahkan perpaduan rakyat bersama-sama kepemimpinan Kerajaan Negeri pada musim Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

"Jika ia (politik fitnah) terjadi, mereka akan mula menyusun strategi bagi meranapkan sokongan kuat terhadap Pakatan.

"Pelbagai bentuk isu akan mereka mainkan. Ini termasuklah agihan dan kedudukan kerusi dalam pilihan raya," katanya baru-baru ini.



**MANSOR Othman menghidangkan sajian makanan kepada Anwar Ibrahim.**

Mansor yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti turut merakamkan penghargaan pada majlis yang dihadiri lebih 5,000 rakyat pelbagai kaum itu.

Keraian tersebut menerima kunjungan Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Tun Abdul Rahman Abbas dan isteri, Toh Puan Majimor Shariff.

Guan Eng, Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Datuk Abdul Halim Hussain (Speaker Dewan Undangan Negeri) serta Exco-exco Kerajaan Negeri yang lain turut hadir pada majlis tersebut.



**ANWAR Ibrahim (depan, tengah) bersama isteri, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (depan, kiri sekali) menyambut kedatangan Majimor Shariff (depan, kanan sekali) pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri bersama-sama Timbalan Ketua Menteri I di Guar Perahu di sini baru-baru ini.**

Anwar yang juga Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia berkata, perpaduan rakyat bersama-sama kepemimpinan Kerajaan Negeri sangat penting demi menggagalkan perancangan tidak demokratik pihak pembangkang kelak.

Ekoran itu, katanya, rakyat serta semua kepemimpinan Kerajaan Negeri dinasihatkan supaya tidak mudah melatah dengan isu yang bakal dimainkan UMNO Barisan Nasional (BN) kelak, sebaliknya memelihara kekuatan perpaduan yang sedia ada tersebut.

"Apabila kita tidak melatah, isu yang mereka timbulkan akan mati dan berlalu begitu sahaja," katanya.

# Rumah Terbuka Speaker DUN simbol harmoni kaum

**BALIK PULAU -** Lebih 1,000 hadirin pelbagai bangsa menyertai sehari Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri bersama-sama Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Abdul Halim Hussain di Kompleks Sukan Balik Pulau, di sini baru-baru ini.

Keraian yang membayangkan keharmonian serta kemajmukan kaum itu turut dihadiri Yang Dipertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas serta isterinya, Toh Puan Majimor Shariff.

Pelbagai juadah raya seperti rendang, ketupat, lemang, sate, laksa dan tomato, pasembur, sate, laksa dan ais kacang yang disediakan tidak mengecewakan pengunjung yang hadir.

Salah seorang pengunjung, Inchieda Yoshithuzu, 61, warga dari negara jolokan 'Matahari Terbit' dilaporkan antara yang hadir pada majlis keraian tersebut.



**ABDUL Halim Hussain (dua dari kiri) memerhatikan isterinya menyampaikan duit Raya kepada golongan kanak-kanak yang hadir pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri beliau di Kompleks Sukan Balik Pulau, di sini baru-baru ini.**

Beliau melahirkan perasaan terkejut dengan rakyat yang berbilang bangsa, umur serta kepercayaan boleh bersama-sama mengharmonikan perayaan penting bagi umat Islam di negeri berkenaan.

"Ini sangat menarik kerana terdapat begitu ramai orang dari latar belakang kaum, berbeza dan umur.

"Dalam budaya saya, Tahun Baru Jepun hanya disambut dengan keluarga dan kawan-kawan.

"Jika saya mempunyai peluang, saya ingin membawa rakan-rakan Jepun saya di sini," katanya.

Katanya, merancang untuk menyertai lebih banyak lagi keraian seperti itu sepanjang bulan Syawal ini.

Difahamkan, Ichieda bermukim di Pulau Pinang sejak enam tahun lepas di bawah program Malaysia Rumah Keduaku.

Pengalaman menempuhi kehidupan di negara panas dan lembab ini membuatkan hati beliau tertambat pada masakan nasi tomato sungguhpun diakui sedikit pedas baginya.

Sharifah Mazrah Sayed Mohamed Zain, 30, turut meluahkan perasaan gembira selepas menyertai rumah terbuka tersebut bersama-sama suami serta tiga anaknya.

"Ini sebenarnya untuk menghabiskan masa sepanjang Hari Raya di Pulau Pinang kerana saya dari Selangor manakala suami adalah tempatan," katanya yang juga pegawai penyelidikan.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Datuk Mansor Othman (Timbalan Ketua Menteri I) serta beberapa Exco Kerajaan Negeri seperti Chow Kon Yeow, Datuk Abdul Malik Abul Kassim, Law Choo Kiang dan Wong Hon Wai turut hadir pada keraian rakyat tersebut.

Hadir bersama pada majlis itu, Ahli Parlimen Balik Pulau, Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff serta beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) lain seperti Koid Teng Guan, Sim Tze Tzin, Jason Ong Khan Lee dan S. Raveentharan.

**SEKITAR SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2012.**

# Undang-undang anti lompat parti mendekati syarak - Salleh Man



PENDUDUK yang hadir majlis rumah terbuka meramahi Ketua Menteri.




MOHD. Salleh Man (berkaca mata) menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir pada majlis Hari Terbuka Aidilfitri peringkat DUN Permatang Pasir di sini baru-baru ini.

**PERMATANG PASIR** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man berkata, undang-undang anti lompat parti yang mahu digubal serta direalisasikan Kerajaan Negeri merupakan satu kaedah yang mendekati sistem integriti Islam.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas mengenai cadangan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng untuk mengemukakan proposal undang-undang itu ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

"Secara idealnya, referandum lebih mendekati politik yang sihat, tapi dalam konteks amalan demokrasi di negara sekarang ini menyaksikan apa yang dipersetujui oleh parti-parti yang memerintah akan menjadi dasar negeri atau negara, maka undang-undang pencegahan diperlukan.

"Seperti kudeta di Perak, lompat parti mengakibatkan sebuah kerajaan jatuh dan bawa mudarat (keburukan) kepada rakyat terbanyak, maka, perlu pada sistem 'sad az-zara'i' atau langkah pencegahan seperti undang-undang anti lompat parti ini.

"Lompat parti mengakibatkan dasar-dasar kebaikan yang memberi maslahah (kebaikan) pada rakyat, pada negeri (Pulau Pinang) dan pada sistem demokrasi yang sedia ada itu sendiri tidak mampu dicapai akibat tiada langkah pencegahan pada anasir rasuah, pengkhianatan serta memperjudi masa depan rakyat seperti di Perak," ujarnya dalam Masjlis Rumah Terbuka Aidilfitri peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir di sini baru-baru ini.

Selain Guan Eng, Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) turut hadir dalam keraian yang dihadiri lebih 5,000 orang itu.

Pun begitu, Mohd. Salleh yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) berkata, referandum secara idealnya lebih mendekati sistem ijmak (kesepakatan dalam kalangan ummah) yang menjadi salah satu sumber hukum syarak.

"Dalam konteks sekarang, undang-undang anti lompat parti ini adalah sistem terbaik ke arah politik yang sihat. Masa depan, mungkin referandum atau pungutan suara lebih baik ke arah politik sihat.

"Sebenarnya referandum itu sendiri bukanlah terlalu ideal kerana *page-page* (laman) dalam banyak-banyak isu diwujudkan dalam facebook untuk mendapatkan referandum maya daripada avatar-avatar laman sosial itu.

"Inilah pentingannya sistem. Islam mementingkan sistem sebab itu ada perihal maqasid asy-syariah, sad az-zara'i dan fiqh al-muwazanah umpamanya.

"Khalifah Saidina Ali pun ada berkata, 'kebatilan dengan perancangan mampu mengalahkan kebenaran yang tak terancang'. Jadi, Pulau Pinang memerlukan sistem terancang demi kebenaran," ujar beliau.

## Pembangkang jangan bohong rakyat di Aidilfitri - Malik



ABDUL Malik Abul Kassim (tiga dari kiri) bersama isteri mengambil peluang bergambar bersama hadirin yang hadir ke Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Batu Maung di Sunway Tunas di sini baru-baru ini.

**BATU MAUNG** - Ketua UMNO Bahagian Bayan Baru, Datuk Abdul Rahim Saibu dinasihatkan supaya tidak menipu rakyat kononnya 5,000 unit rumah mampu milik akan dibina di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung, di sini, sekiranya Barisan Nasional (BN) kembali mengambil alih Kerajaan Negeri pada Pilihan Raya Umum Ke-13 nanti.

ADUN Batu Maung, Datuk Abdul Malik Abul Kassim baru-baru ini berkata, 'rasuah politik' Abdul Rahman untuk membina 5,000 unit rumah di atas 12 hektar tanah milik Kerajaan Persekutuan seakan tidak logik.

Ini kerana, katanya, pembangunan tinggi tidak sesuai di kawasan tertentu dalam KADUN Batu Maung yang menjadi lokasi pendaratan dan penerbangan kapal terbang Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

"Kalau nak bina 5,000 unit rumah, pusat perlu sekurang-kurangnya 70 hektar. Tak boleh bina pembangunan tinggi di atas 12 hektar tanah (jika pusat ada sekalipun) kerana kawasan itu kawasan pendaratan kapal terbang.

"Kalau cadang nak bina 500 rumah, logik. Kalau begitulah keadaannya, maka ia macam tipu rakyat lah, macam rasuah politik lah," ujarnya semasa Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Batu Maung di Sunway Tunas di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta isteri, Betty Chew, Datuk Mansor Othman (Timbalan Ketua Menteri I), Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II), Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas) dan Sim Tze Tzin (Ahli Dewan Undangan Negeri Pantai Jerejak) merupakan antara kepemimpinan negeri yang hadir dalam pada majlis keraian itu.

Lebih 5,000 hadirin pelbagai bangsa turut serta pada majlis yang diadakan berhampiran Dewan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sungai Ara, di sini.

Abdul Malik yang juga Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, pembangkang Pulau Pinang seakan tidak ikhlas kerana sanggup menabur 'janji politik' demi memancing undi serta menipu rakyat di parlimen serta DUN-DUN berkenaan.

"Kalau UMNO ikhlas, mereka tak tunggu rampas balik Pulau Pinang, tapi bina 5,000 rumah itu sekarang," ujar beliau.

Terdahulu, akhbar Sinar Harian melaporkan, Abdul Rahim berjanji untuk membina 5,000 unit rumah di KADUN Batu Maung kononnya untuk rakyat berpendapatan rendah dalam satu majlis Aidilfitri anjuran UMNO dengan dana sumbangan Yayasan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

# Taman Tunku – projek CSR MPSP

Oleh: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**

**SEBERANG JAYA –** Selaras dengan hasrat menjadikan Pulau Pinang sebuah negeri bersih, hijau, selamat dan sihat, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melalui program tanggungjawab sosialnya (CSR) telah mengambil inisiatif khas menaiktaraf Taman Tunku yang terletak berhampiran Masjid Jamek Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Inisiatif tersebut adalah hasil tajaan ahli-ahli REHDA yang terdiri daripada *Airmas Group of Companies, IJM Land Berhad, New Bob Group, Sunway City (Penang) Sdn. Bhd.* dan Tambun Indah Land Berhad).

Turut tersenarai adalah ahli-ahli SPEAD *(Institution Of Surveyors Malaysia, Planners, Engineers, Architects, Developers)* serta beberapa pihak yang telah menyumbang sejumlah RM470 ribu untuk projek berkenaan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, proses menaiktaraf taman seluas 11.73 ekar tersebut mengambil masa tiga setengah bulan bermula 17 Mac dan siap sepenuhnya pada 31 Jun lalu.

"Pelaksanaan program tersebut adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri, malah, pada masa sama, kita (Kerajaan Negeri) mahukan Pulau Pinang mempunyai kawasan-kawasan yang berlandskap menarik serta cantik," katanya ketika mengadakan lawatan ke Taman Tunku di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi), Lim Hock Seng, Yang diPertua MPSP, Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Perbandaran MPSP, Rozali Mohamud dan isteri kepada Ketua Menteri, Betty Chew.

Taman Tunku sebelum ini telah dibuka dengan rasminya oleh Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ketika sambutan Hari Kebangsaan Ke-30 pada 31 Ogos 1987.

Guan Eng dalam pada itu memohon kepada semua pihak supaya meuar-uarkan kepada badan-badan korporat lain untuk turut menjadikan kawasan-kawasan lain sebagai projek angkat bagi pelaksanaan CSR MPSP tersebut dengan tema 'Jalinan Semulajadi antara Manusia dan Alam Sekitar'.



**KEHIJAUAN yang dapat dilihat di Taman Tunku yang telah dinaiktaraf di sini baru-baru ini.**

Menurut Kon Yeow, Taman Tunku yang dinaiktaraf kini dilengkapi dengan 0.9 kilometer trek joging dan laluan berbasikal; satu unit gazebo baru; bangku rehat (35 unit); lampu taman (7 unit), penanaman pokok teduhan (140 batang), membaiki tempat letak motosikal serta pemasangan papan-papan tanda (2 unit).

"MPSP turut menyumbang sebanyak 100 batang pokok Pinang serta pokok pelbagai spesies (100 batang) yang bernilai RM4,000 secara keseluruhan," jelas beliau.

# Jln. Gottlieb & Jln. Bagan Jermal siap dinaiktaraf

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Sebagai usaha mengurangkan masalah kesesakan lalulintas di sini, inisiatif melebarkan Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal dengan tambahan satu laluan (lorong) oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sejak November tahun lalu telah siap sepenuhnya.

Selain pelebaran jalan, turut dinaiktaraf adalah laluan pejalan kaki, mewujudkan laluan basikal, lampu jalan, memasang lintasan pejalan kaki serta membina pondok-pondok perhentian bas yang baru.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sebanyak RM3.45 juta diperuntukan untuk projek menaiktaraf Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal di kawasan Kebun Bunga di sini.

"Inisiatif tersebut adalah lanjutan daripada kajian meneliti alternatif bagi mengurangkan kesesakan lalulintas di George Town dengan penumpuan kepada jalan-jalan tempatan yang bertindak sebagai jalan lingkaran luar George Town termasuk kedua-dua jalan dinyatakan.

"Tindakan awal perlu diambil untuk menangani masalah lalulintas di Pulau Pinang kerana pertumbuhan kenderaan adalah melebihi 6 peratus setahun dan ini (situasi) memerlukan penaiktarafan infrastruktur sedia ada," ujarnya ketika ucaptama Majlis Pelancaran Projek Menaiktaraf Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal di sini baru-baru ini.



**PARA penghuni Rumah St. Nicholas's cuba menggunakan laluan dan lintasan pejalan kaki yang telah siap dinaiktaraf di Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Yang Dipertua MPPP, Datuk Ar. Patahiyah Ismail dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Koay Teng Hai.

Tambah Guan Eng, bagi fasa pertama, sebanyak RM28 juta diperuntukan, di mana RM21 juta daripadanya telah dimulakan dengan kerja-kerja penaiktarafan dan baki, RM7 juta masih di dalam perancangan tender.

Selain itu, beliau memberitahu, Kerajaan Negeri turut merancang untuk melebarkan jalan, membina jejambat, jalan-jalan alternatif dan pusingan 'U' bertingkat di Jalan Tanjong Tokong, Jalan Paya Terubong, Jalan Dato' Ismail Hashim, Jalan Bukit Gambir dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu untuk tujuan sama.

"Kerajaan Negeri juga terdesak untuk membina infrastruktur utama seperti *bypass* dan jalan berkembar bagi mengurangkan kesesakan dan membolehkan perkhidmatan pengangkutan awam berfungsi dengan lebih berkesan.

"Draf Akhir Laporan Kajian Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang *(Penang Transport Master Plan Study Draft Final Report)* dijangka siap dalam tempoh terdekat. Kajian ini telah disediakan untuk mewujudkan sistem pengangkutan yang berintergrasi dan mampan dengan mengambil kira pandangan orang ramai," jelasnya.




**LIM Hock Seng (berdiri, lima dari kanan), membantu para penduduk mendapatkan tuntutan masing-masing pada majlis khas di sini baru-baru ini.**

# 123 terima RM1,000 baiki jeriji besi

**BAGAN JERMAL –** Sebanyak RM123,000 telah diagihkan kepada 123 buah keluarga di Taman Ampang Jajar di sini bagi membaiki jerisi besi rumah masing-masing.

Peruntukan khas itu adalah susulan daripada aduan para penduduk yang memaklumkan jeriji besi sedia ada dibina pemaju sebelum ini adalah tidak kukuh dan selamat.

Lanjutan itu, masalah berkenaan telah menarik perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng yang mengambil inisiatif khas menyumbangkan RM1,000 kepada setiap keluarga terlibat.

"Sumbangan yang diserahkan ini adalah wang tuntutan setelah mereka membaiki jeriji besi rumah mereka.

"Ia penting bagi membantu mengelakkan kejadian jenayah yang tidak diingini berlaku," jelas beliau merangkap Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut dan Keretapi) di sini baru-baru ini.

# Rumah mampu milik selesa di Jln. SP Chelliah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Exco Perancangan Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai sekali lagi menegaskan bahawa Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebidang tanah 2.8 hektar di Jalan SP Chelliah bagi projek pembinaan rumah mampu milik di sini.

Langkah tersebut diambil selepas 0.45 hektar tanah untuk Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Jalan Zainal Abidin di sini, telah dikenal pasti pada tahun 2010 untuk pembinaan pusat perubatan.

Hon Wai berkata, tanah di Jalan SP Chelliah adalah kira-kira tujuh kali ganda lebih luas jika dibandingkan tanah di Jalan Zainal Abidin.

"Tidak banyak dapat disediakan di tapak tanah Jalan Zainal Abidin kerana saiznya yang sangat kecil dan bagi membina PPR, kita memerlukan tempat yang lebih luas.

"Tapak di Jalan SP Chelliah telah dikenalpasti untuk projek pembinaan rumah awam dan pihak berwajib telahpun menjalankan kerja-kerja teknikal bagi membolehkan kerja-kerja pembinaan dijalankan," kata beliau dalam sidang akhbar di pejabat beliau di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Hon Wai turut menegaskan bahawa pemilihan Jalan SP Chelliah adalah logik ekoran kedudukan yang lebih strategik dan mempunyai akses perkhidmatan lebih baik termasuk balai polis, sekolah dan masjid.

Selain itu, beliau turut menyatakan bahawa tapak tanah di Jalan SP Chelliah bakal dibina 660 unit rumah kos sederhana rendah, 330 unit rumah kos sederhana berkeluasan 850 kaki persegi (build up size), 330 unit rumah kos sederhana berkeluasan 1,000 kaki persegi dan 8 unit rumah kedai dua tingkat.




**WONG Hon Wai (kiri) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Ng Wei Aik menunjukkan beberapa dokumen berhubung beberapa projek pembinaan rumah mampu milik yang bakal dibina di Jalan SP Chelliah di sini baru-baru ini.**

"Jumlah unit adalah 1,328 dan cadangan ini termasuk pembinaan tempat letak kereta, dewan dan taman rekreasi.

"Adalah menjadi hasrat Kerajaan Negeri untuk menyediakan perumahan yang bukan sahaja mampu milik, malah selesa untuk didiami," tegas Hon Wai.

# Warga *St. Nicholas' Home* dirai

**BAGAN JERMAL –** Buat dua tahun berturut-turut, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim menyampaikan sumbangan duit raya sempena Aidilfitri kepada para penghuni dan kakitangan *St. Nicholas' Home* di sini.

Menurut Abdul Malik, beliau berharap agar sumbangan tersebut sedikit sebanyak menceriakan semua penghuni di 'rumah' berkenaan.

"Penyampaian sumbangan ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri tidak pernah melupakan mana-mana golongan sama ada dalam keriangan mahupun waktu-waktu sukar.

"Terima kasih kepada *St. Nicholas' Home* yang memberi peluang untuk saya sama-sama meraikan penghuni di sini buat tahun kedua,'' katanya di hadapan 67 penghuni dan kakitangan *St. Nicholas' Home* di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pengarah Eksekutif *St. Nicholas' Home*, Daniel Soon berkata, para penghuni amat berbesar hati dengan sumbangan yang dihulurkan.

"Terima kasih kepada Datuk (Abdul Malik) kerana beliau turut menaja belanja sahur bagi semua penghuni beragama Islam di sini.

"Kami di *St. Nicholas' Home*



**SALAH seorang penghuni gigih mengayam bakul untuk dijual.**

berharap tahun ini bukanlah tahun terakhir Datuk (Abdul Malik) menaja sahur untuk penghuni di sini," ujar Daniel dalam nada berseloroh.

Di samping itu, salah seorang tenaga pengajar *St. Nicholas' Home*, Yusoff Abdul Rahman berkata, penghuni di sini bukan sahaja memerlukan bantuan kewangan,



**ABDUL Malik Abul Kassim (depan, lima dari kanan) beramah mesra dengan salah seorang penghuni *St. Nicholas' Home* ketika kunjungan bagi menyampaikan sumbangan duit raya di sini baru-baru ini.**

malah, mereka juga memerlukan sokongan moral seperti dilakukan Abdul Malik.

Tambah Yusoff yang cacat penglihatan sejak kecil, sumbangan yang diberikan digunakan sepenuhnya untuk melatih penghuni di sini, sama ada melalui hasil kraftangan atau untuk dijual seperti biskut dan kuih-muih.

Bagi Rosnani Abdullah, 30, beliau sangat bersyukur dengan pemberian duit raya tersebut yang bakal digunakan untuk menambah tabungan masa hadapan.

Abdul Malik turut meluangkan masa melawat kelas latihan dan fasiliti yang terdapat di *St. Nicholas' Home* antaranya kelas anyaman, kelas urutan dan refleksilogi serta kelas memasak.

Hadir sama dalam kunjungan tersebut, Muhamad Sayuti Omar dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan wakil-wakil dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JHEAIPP).

# JABATAN KEWANGAN NEGERI PULAU PINANG

## KENYATAAN TAWARAN TENDER

Tawaran adalah dipelawa kepada Syarikat / Pembekal / Pengusaha yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi menyertai tender berikut :

| Bil. No. TenderJKNPP | Tajuk Projek | Tarikh Lawatan Tapak | Tarikh dan Masa Tender Ditutup |
|---|---|---|---|
| 1. JKNPP 8 / 2012 | Tender Penyertaan Gerai Jualan, Pameran dan Medan Selera Pesta Pulau Pinang Tahun 2012 yang akan berlangsung dari 01 Disember 2012 hingga 01 Januari 2013 | Tarikh : **03 September sehingga 07 September 2012. (Isnin - Jumaat)**<br>Tempat : **Tapak Pesta Sungai Nibong Pulau Pinang**<br>Jam : **9.00 Pagi - 4.00Petang. ( Isnin – Khamis ) 9.00 Pagi – 12.00 T/hari ( Jumaat )** | Tarikh Tutup : **14 Sept. 2012 ( Jumaat )**<br>Jam : **12.00 T/hari** |

1. Petender yang ingin menyertai tender ini hendaklah mendapatkan Borang Tender ini di Pejabat Urusetia Tapak Pesta Sungai Nibong, Pulau Pinang pada tarikh dan masa Lawatan Tapak diatas.
   Bayaran **RM 10.00** dikenakan bagi setiap Borang Tender yang dijual dan **satu Borang Tender hanya terhad untuk satu lot sahaja.** Borang Tender **tidak boleh difotostat.** Petender yang menggunakan borang yang difotostat tidak akan dipertimbangkan.
2. Petender boleh mendapatkan maklumat mengenai lot-lot yang hendak ditender semasa lawatan tapak dijalankan. Pembahagian lot-lot gerai dan kawasan lapang adalah mengikut sektor-sektor berikut :

| | |
|---|---|
| - Permaidani | - Produk keluaran kilang |
| - Tekstil dan Pakaian | - Produk Kesihatan |
| - Produk berasaskan kayu, | - Produk Pelancongan |
| Bingkai hiasan gambar dll. | - Pengeluar Makanan & Minuman |
| - Automotif | - Hiasan Dalaman/Landskap |
| - Pocket Mini Bikes | - Makanan dan Minuman Ringan |
| - Elektrik & Elektronik | - Industri Kecil & Sederhana |
| - Produk Perubatan Tradisional, | - Permainan Kanak-Kanak / Belon |
| Herba, Gamat dan yang berkaitan | - Industri Kecil & Sederhana |
| - Kraftangan / Batik | - Benih-benih tanaman |

3. Bagi lot untuk **Medan Selera** adalah dikhaskan untuk perniagaan **makanan dan minuman sahaja** dan lebih diutamakan kepada **makanan tempatan** yang mempunyai **tarikan tersendiri.**
   Maklumat mengenai lot-lot yang ditawarkan boleh didapati semasa lawatan tapak dijalankan.
4. Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dengan menyatakan lot gerai/kawasan yang di tender di **penjuru sebelah kiri sampul.** Dokumen hendaklah dihantar secara manual dan dimasukkan ke dalam peti tawaran tender di **Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang, Aras 23 KOMTAR, 10990 Pulau Pinang**. Tarikh tutup tawaran tender ini ialah pada **14 September 2012 (Jumaat) jam 12.00 tengahari.** Tender yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

# MERDEKA JIWA : Prinsip Hassan al-Banna

**DALAM** selang masa beberapa hari lagi, Malaysia sekali lagi akan merayakan dua perayaan yang membawa erti yang besar kepada seluruh rakyatnya. Ini merujuk kepada sambutan memperingati kemerdekaan dan hari pembentukan Malaysia. Kemeriahan dua sambutan besar ini juga sering ditandai dengan acara mengibarkan bendera, program ambang merdeka, perbarisan dan sebagainya. Namun, apakah 'ritual' tahunan ini mampu memupuk rakyat yang bukan hanya merdeka, bahkan lebih penting memiliki jiwa merdeka? Suka penulis mengaitkan konsep kemerdekaan yang hakiki ini dengan ketokohan seorang pemuda yang pernah mencetuskan revolusi dalam erti membebaskan manusia dari penjajahan minda kepada kemerdekaan jiwa yang sebenarnya.

Kebetulan, menjelang seminggu sebelum Ramadhan yang lalu, Penang Institute telah berjaya mengambil kesempatan untuk membawa legasi tokoh tersebut ke Pulau Pinang dalam rangka membincangkan erti "Islam, Demokrasi dan Hak Asasi Manusia: Kebangkitan Dunia Islam", yang disampaikan oleh cucu beliau, iaitu Profesor Tariq Ramadan. Liputan tentang isi diskusi tersebut sudah pun mendapat perhatian meluas umum media dan masyarakat. Oleh itu, wajar kali ini penulis membicarakan tentang tokoh hebat serta legasi hebat peninggalannya. Beliau yang dimaksudkan itu ialah Asy-Syahid Shaikh Imam Hassan al-Banna.

**Mengenali Hassan al-Banna**

Dilahirkan pada Oktober 1906 di desa al-Mahmudiya, Iskandariah, Mesir, beliau dibesarkan di dalam sebuah keluarga yang sangat dihormati dan kuat pegangan Islam. Ayahnya, Syeikh Ahmad Ibn Abdul Rahman al-Banna adalah seorang ulama, imam, guru dan pengarang kitab-kitab hadis dan fiqh. Apabila semakin meningkat dewasa, ketokohan dan keilmuan yang diwarisi daripada ayahnya kian terserlah. Beliau telah menghafaz al-Quran ketika usia masih muda dan disebabkan kebijaksanaannya juga beliau telah memasuki Darul Ulum di Kaherah ketika baru berusia 16 tahun. Ketika berumur 23 tahun, beliau menubuhkan Ikhwanul Muslimin yang sangat-sangat berpengaruh waktu itu.

Kerajaan Mesir yang mula sedar tentang ancaman gerakan ni, telah bertindak untuk mengharamkan Ikhwanul Muslimin atas tuduhan merancang pemberontakan untuk menjatuhkan kerajaan. Mereka juga telah mengarahkan supaya kesemua 3000 cawangan gerakan massa ini dibubarkan. Kemuncak kepada ketakutan kerajaan Mesir pada ketika itu adalah pada tanggal 12 Febrari 1949. Ketika hendak menaiki teksi, dua orang yang tidak dikenali telah melepaskan tembakan pistol tepat kepada Hassan al-Banna. Takdir Ilahi, pada pukul 12.50 malam, Hassan al-Banna menghembuskan nafasnya yang terakhir akibat tumpahan darah yg serius.

**USRAH: Legasi Hassan al-Banna**

**GEORGE TOWN –** Bekas Naib Presiden Dell (Asia) yang juga bekas Pengarah Urusan Dell (Malaysia), Datuk Simon Wong diumum sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Lembaga *InvestPenang (iP)* baru menggantikan Datuk Lee Kah Choon yang melepaskan jawatannya pada 2 Ogos lalu.

Wong mengambil alih tempat Kah Choon berkuatkuasa serta merta. Wong yang bersara dari Dell pada Mac lalu adalah bertanggungjawab terhadap operasi komputer rangkaian Dell di Malaysia, China dan India. Beliau berpengalaman selama 22 tahun bersama Motorola sebelum menyertai Dell pada 1998.

Wong berkata, beliau akan berusaha menjadikan Pulau Pinang sebuah bandaraya yang mesra untuk didiami *(liveable city)*.

"Buat masa ini, saya masih meneliti di mana yang kurang dengan memikirkan bagaimana iP boleh dihubungkan dengan orang luar dan industri agar menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandaraya yang mesra untuk didiami," ujarnya ketika majlis sidang media pengumuman pelantikan beliau di Komtar baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan pelantikan itu menyatakan bahawa penglibatan Wong di dalam iP akan membantu menarik lebih banyak pelaburan besar dan bermutu ke negeri ini.

"Dengan adanya Wong, seorang yang berpengalaman luas, ianya mampu untuk lebih memperkasakan sektor pelaburan di Pulau Pinang pada masa depan.

"Beliau dilihat sebagai seorang yang cukup berpengalaman dan mempunyai kepakarannya sendiri," ujar Guan Eng.

# Anugerah Kewartawanan Hijau bukti komitmen lindungi alam sekitar



PARA pemenang Anugerah Kewartawanan Hijau dan Pertandingan Green Video 2012 bergambar kenangan bersama-sama Phee Boon Poh (duduk tiga dari kiri), Ng Wei Aik (duduk dua dari kiri) dan para pengadil di Komtar di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Anugerah Kewartawanan Hijau dan Pertandingan Green Video 2012 dianjurkan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini berjaya mengetengahkan 14 penyertaan keseluruhannya mambabitkan pelaporan berita, penulisan rencana dan 13 penyertaan bagi Pertandingan Green Video 2012.

Anugerah dan pertandingan tersebut adalah hasil kerjasama antara Kerajaan Negeri dengan *Penang Green Council (PGC), Han Chiang College, KDU College* dan *Two Studio*.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, objektif penganjuran anugerah dan pertandingan tersebut adalah bagi memupuk kesedaran berpanjangan tentang pentingnya persekitaran yang hijau, bersih dan sihat.

"Kenapa kita mensasarkan golongan media untuk anugerah ini? Ini adalah kerana mata pena adalah lebih tajam daripada sebilah pedang. Melalui sebuah laporan ataupun berita yang disiarkan, ianya mampu mencipta kesedaran kepada orang ramai," ujarnya ketika majlis sidang media bagi mengumumkan keputusan Anugerah Kewartawanan Hijau dan Pertandingan Video 2012 di sini baru-baru ini.

Sementara itu Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Komunikasi Massa, Kolej KDU Pulau Pinang, Ng Miew Luan selaku ketua pengadil berkata, Anugerah Kewartawanan Hijau 2012 merupakan platform terbaik untuk para wartawan dan akhbar menyelami isu-isu alam sekitar di Negeri Pulau Pinang.

"Ini adalah cara terbaik dan merupakan satu platform buat para wartawan dan akhbar untuk membuktikan komitmen dan tekad masing-masing dalam usaha melindungi alam sekitar," ujarnya.

Secara keseluruhannya, wartawan akhbar *The Star* menunjukkan keputusan yang cemerlang apabila berjaya menggondol semua kategori Bahasa Inggeris yang dipertandingkan. Manakala, wartawan akhbar Sinar Harian Edisi Utara, Gokina Morganan pula memenangi kategori Penulisan Rencana Bahasa Melayu dan wartawan Nanyang Siang Pau, Bryan Lai memenangi anugerah bagi kategori Bahasa Cina.

Kesemua pemenang membawa pulang sijil penghargaan dan wang tunai mengikut kategori masing-masing.

Dalam pada itu, Boon Poh turut mengumumkan pemenang bagi Pertandingan Green Video 2012, di mana filem pendek berjudul, *Wilful Blindness* hasil karya Loh Kar Sang muncul juara dan membawa pulang wang tunai, RM3,000. Naib Juara, Timothy Poy *(Go Green)* dan tempat ketiga, Loo Wei Jian *(Protection of the Environment)*.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar selaku Pengerusi Anugerah Kewartawanan Hijau dan Pertandingan *Green Video 2012,* Ng Wei Aik.






# Pertandingan Mewarna Ekspo Hijau 2012 tawar hadiah wang tunai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**



TEH Yee Cheu memberi penjelasan berhubung kertas kotak yang boleh dikitar semula pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Buat julung kalinya, *Penang Green Council Strategies* Sdn. Bhd. (PGC) bakal mengadakan Ekspo Hijau Pulau Pinang: Pertandingan Mewarna dan Melukis Kanak-kanak 2012 yang menawarkan hadiah wang tunai bernilai RM3,470 pada September ini.

Menurut Pengerusi Pengelola Ekspo Hijau Pulau Pinang, Teh Yee Cheu, pertandingan yang turut mendapat kerjasama Popular Book Co. (M) Sdn. Bhd. tersebut akan diadakan selaras dengan tema ekspo iaitu, Memelihara untuk Masa Depan *(Conserving for Tomorrow)*.

"Kita (PGC) juga berhasrat untuk mewujudkan kesedaran kepada generasi muda terutama anak-anak di bangku sekolah tentang pentingnya penjagaan alam sekitar.

"Malah, melalui pertandingan ini, kita bukan sahaja mampu mencungkil bakat anak-anak muda, malah, juga memberi pendedahan berunsurkan pendidikan dan kreativiti dalam memulihara alam sekitar," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Ekspo Hijau Pulau Pinang: Pertandingan Mewarna dan Melukis Kanak-kanak 2012 yang bakal diadakan di Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) menawarkan hadiah bernilai RM1,170 bagi pertandingan mewarna dan RM2,300 bagi pertandingan melukis. Selain wang tunai, para peserta turut akan menerima hamper dan sijil penghargaan.

Terdapat dua kategori bagi pertandingan mewarna iaitu kategori usia 5 hingga 8 tahun dan kategori usia 9 hingga 12 tahun. Manakala bagi pertandingan melukis kategori A adalah bagi mereka yang berusia antara 13 hingga 15 tahun dan kategori B, 16 hingga 18 tahun.

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila layari laman sesawang PGC di *"http://www.pgc.com.my/"www.pgc.com.my atau laman* sesawang Popular Book Co. (M) Sdn. Bhd., *"http://www.popular.com.my/"www.popular.com.my* atau hubungi talian PGC, 04 - 650 5112.

# Jurulatih SUKMA julung kali terima insentif KN

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN -** Syabas dan tahniah! Pungutan 32 pingat Emas, Perak (18) dan Gangsa (21) kontinjen negeri pada kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) XV Pahang 2012 lalu cukup membanggakan seluruh rakyat Pulau Pinang.

Ini kerana, pencapaian tersebut sekaligus melepasi sasaran 25 pingat Emas yang disasarkan sebelum ini.

Malah, atlit memanah, Zulfadhli Ruslan juga berjaya mencipta rekod SUKMA dalam acara 30 meter *Compound* Lelaki dan 70 meter *Compound* Lelaki.

Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, Leong Theng Choon berkata, beliau amat kagum dengan pencapaian kali ini yang lebih baik dan melepasi sasaran 25 Emas disasarkan.

"Peningkatan dari segi kutipan pingat dan kedudukan keseluruhan tidak mungkin menjadi kenyataan tanpa usaha dan kerjasama semua pihak.

"Oleh itu, saya ingin mengucapkan syabas kepada atlit-atlit, para jurulatih serta semua ibu bapa yang telah bekerja keras dan menyumbangkan pingat kepada kontinjen negeri Pulau Pinang pada SUKMA ke – 15 di Pahang.

"Diharap semua kakitangan dan atlit yang bakal terlibat dalam SUKMA ke - 16 di Kuala Lumpur pada Jun 2013 supaya segera menigkatkan prestasi bagi bersaing dan sekaligus melahirkan jaguh negara," katanya pada Majlis Penghargaan dan Pemberian Insentif di sini baru-baru ini.



LYDIA Ong Kok Fooi (barisan ketiga dari bawah, berbaju hitam) bergambar kenangan bersama para atlit dan jurulatih SUKMA XV pada Majlis Penghargaan dan Pemberian Insentif di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Belia & Sukan, Pembagunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi.

Bersempena itu, buat julung kali, para jurulatih turut menerima insentif Kerajaan Negeri yang secara tradisinya hanya disumbangkan kepada para atlit.

Selain kepada para atlit serta jurulatih, Kok Fooi dalam pada itu turut mengucapkan tahniah kepada Datuk Ong Poh Eng kerana menjadi satu-satunya warganegara Malaysia yang dilantik sebagai juri sukan angkat berat pada kejohanan Olimpik sebanyak empat kali berturut-turut.

"Beliau merupakan juri angkat berat di Olimpik Sydney, Athens dan Beijing. Baru-baru ini, beliau turut dilantik sebagai ketua juri bagi sukan angkat berat di Olimpik London 2012.

# 4 wira kayuhan *'Road to London 2012'* dirai

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Empat wira kayuhan *'Road to London 2012'*, Bakar Noordin, 50; Chew See Lim, 54; Saw Peng Hooi, 62 dan jurulatih berbasikal nasional, Abdul Razak Kamis, 58, diraikan dalam satu majlis makan malam di sini baru-baru ini.

Bakar, seorang ahli perniagaan berkata, sepanjang ekspedisi yang memakan masa hampir enam bulan itu, laluan di negara China adalah yang paling mencabar kerana terpaksa mengharungi cuaca sejuk dan panas melampau selama 70 hari.

"Kami terpaksa menahan kesejukan ekstrem dan melalui jalan-jalan yang tidak sekata serta mencabar fizikal kami.

"Ada ketika memang rasa nak berputus asa apabila cabaran dilalui sangat getir dan di luar kemampuan, namun semangat yang diberikan orang tempatan membuatkan kami meneruskan ekspedisi ini," ujarnya ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Insentif kepada Pemenang-pemenang Pingat Kontinjen Negeri Pulau Pinang di Sukan Malaysia XV, di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi.

Bagi See Lim, seorang pesara, ekspedisi tersebut sangat menyeronokkan. Walau bagaimanapun, beliau tidak akan menyertainya lagi pada masa akan datang kerana tidak mahu berjauhan dengan keluarganya lagi.

"Amat sedih kerana ibu saya meninggal dunia ketika saya berada di Istanbul pada Jun lalu dan saya tidak dapat menghadiri upacara pengebumian ibu tersayang," ujar See Lim.

Dalam pada itu, Kok Fooi sangat mengagumi keempat-empat wira kayuhan *'Road to London 2012'* ekoran semangat yang ditunjukkan.

"Walaupun dipanggil 'orang gila', tetapi semangat dan kekuatan dalaman yang disemai membolehkan mereka menamatkan ekspedisi ini.

"Bukan mudah apabila terpaksa berjauhan dengan keluarga dalam satu tempoh panjang, melalui laluan yang sukar dan ada halangan komunikasi," katanya pada majlis sama di sini.

Terdahulu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut menyampaikan sumbangan penghargaan kepada pasukan tersebut bernilai RM2,000 setiap seorang.

"Usaha mereka adalah amat baik dan membuktikan kemampuan rakyat Malaysia




EMPAT wira kayuhan *'Road to London 2012'* diraikan ketika tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas di sini baru-baru ini.

terutama kesungguhan anak jati Pulau Pinang dalam merealisasikan sesuatu misi.

"Bagi pihak Kerajaan Negeri, tahniah dan selamat kembali ke tanah air. Semoga pengalaman diperoleh dapat dikongsi bersama generasi muda khususnya," ujar Guan Eng yang turut menyatakan bahawa Pulau Pinang kini dalam usaha mewujudkan laluan basikal berintegrasi secara berperingkat dan menjadi negeri yang mesra kepada pengayuh-pengayuh basikal.

*'Road to London 2012'* menyaksikan empat pengayuh tempatan bersama Tim Davies, salah seorang pengayuh British yang turut serta dalam ekspedisi berkenaan, berkayuh sejauh 18,300 kilometer dan melalui 17 buah negara dari 4 Februari 2012 sehingga 6 Ogos 2012.

Kumpulan ekspedisi berbasikal yang ditaja oleh Persatuan St. John Ambulans Malaysia, MALAKOFF dan Syed Mohamad Idid Syed Ahmad, tiba di London *(Downing Street)* dan diraikan bersama Yang diPertuan Agong Tunku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Kok Fooi bersama delegasi Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang serta pasukan atlit Malaysia yang bertanding dalam Sukan Olimpik 2012 London.

# Minat berniaga asas kejayaan usahawan rempah basah



MD. Saad Salleh (kanan) dan Siti Aminah Ariffin sedang membungkus pek-pek rempah basah keluaran mereka.

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**USAHAWAN** Md. Saad Salleh telah berusia 70-an. Tidak dinafikan, beliau amat berbangga dengan dirinya yang tidak pernah menjadi ‘kuli’ atau makan gaji dengan mana-mana majikan.

Prinsipnya adalah begitu mudah. Katanya, kerja sendiri fikiran lebih bebas dan sekiranya buat (kerja) lebih akan memperoleh hasil yang lebih lagi. Asalkan berusaha dan jangan *tension!*

Minat beliau dalam bidang perniagaan disemai sejak kecil lagi. Malah, ketika berusia 13 tahun, Md. Saad mula mengasah bakat berniaga dengan menjual kuih-muih sekitar kampung di Sungai Ayer Itam, Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan.




PEK-pek rempah basah pelbagai perisa.

Pada tahun 1979, beliau memulakan perniagaan menjual tauhu dan selepas mendirikan rumahtangga dengan Siti Aminah Ariffin, 66, yang berasal dari Kulim, Kedah, pasangan tersebut kemudian mengintai pasaran pembuatan rempah basah.

Tidak ramai yang mengetahui apakah sebenarnya rempah basah. Malah, ketika Buletin Mutiara (BM) berkunjung ke kediaman pasangan tersebut, tiada gambaran jelas diberikan sehinggalah Md. Saad mengeluarkan produk-produk keluarannya.

“Asal-usul pembuatan rempah ni adalah dari makcik (Siti Aminah). Dia (Siti Aminah) yang terfikir nak buat sebab rempah basah belum pernah orang buat lagi, cuma rempah kering yang selalu orang jual,” kata Md. Saad ketika ditemui BM di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, bahan asas pembuatan rempah basah adalah cili, rempah, jintan dan kunyit.

“Semua resipi rempah kami cuba buat sendiri dan inisiatif banyak dari makcik (Siti Aminah),” jelasnya.

Bagi mendapatkan penjelasan lanjut, BM kemudian ‘menjejaki’ Siti Aminah yang begitu sibuk dengan urusan di dapur.

Menurut Siti Aminah, asas resipi adalah turun-temurun daripada ibunya. Ini kerana, memang menjadi kewajipan bagi keluarga beliau menggunakan bahan-bahan asli untuk membuat rempah kari dengan teknik ‘giling’ berbanding produk-produk di pasaran.

“Dari sana, saya belajar dan mempraktikkan segala teknik serta bahan yang digunakan.

“Selepas berkahwin, timbul pula minat untuk berniaga, maka, saya dan pakcik (Md. Saad) bersetuju untuk cuba menghasilkan paket-paket rempah basah dan kemudian jual,” ujar beliau.

Sebagai permulaan, produk yang dihasilkan adalah rempah basah daging dan ikan. Dalam tempoh enam tahun, penghasilan produk dikembangkan kepada sambal tumis, kurma dan rendang sehingga kini.

Selepas mendapat pasaran tetap di kawasan berhampiran berserta maklum balas positif, produk kemudian dipasarkan ke Bandar Perda dan Kuala Lumpur (melalui perkhidmatan pos atau bas ekspress).

Kini, setiap hari, sebanyak 200 bungkus rempah basah pelbagai perisa dihasilkan pasangan berkenaan dengan bantuan dua pekerja tempatan.

“Lazimnya, 200 bungkus tidak dapat menampung permintaan harian, namun, ekoran tidak memiliki peti ais bersesuaian, penghasilan produk adalah amat terhad.

“Peti ais yang digunakan adalah peti ais sama yang memuatkan bahan-bahan makanan seisi keluarga. Maksimum 400 bungkus dapat dimuat di dalam peti ais (bahagian sejuk beku), namun, kami perlu mengeluarkan barang makanan yang ada,” kata Md. Saad yang berharap terdapat pihak yang sanggup tampil membantu beliau menyelesaikan dilema berkenaan.

Selain peti ais, Md. Saad turut berharap untuk mendapatkan sebuah mesin pengering cili supaya pengeluaran produk tidak terjejas menjelang musim hujan sebagai perancangan masa depan.

Bagi Md. Saad, kejayaan yang dikecapi kini adalah hasil daripada sikap kesabaran dirinya dalam bidang perniagaan.

“Apabila berniaga, kita kena banyak sabar. Kadang-kadang terjumpa pelanggan yang tak bayar dan ada sebaliknya,” jelas beliau mengakhiri sesi temuramah bersama BM.




REMPAH basah sedia untuk dipasarkan.

**Untuk tempahan, hubungi :**
**Berjaya Enterprise**
**361, Sungai Acheh,**
**14310 Nibong Tebal,**
**Seberang Perai Selatan.**
**013 – 405 3520 / 04 – 598 2322**

# Pulih remaja terlanjur impian Kak Yati



NORHAYATI Jaafar (duduk, kanan sekali) bersama keluarga.

**CAKNANYA** mengenai gejala sosial dalam kalangan remaja Islam Pulau Pinang sejak terjun di arena politik kepartian kira-kira lima tahun lepas dimanfaatkan sebaik mungkin apabila dilantik menjadi Ahli Majlis bagi Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) untuk penggal kedua baru-baru ini.

**Norhayati Jaafar** yang lebih mesra dengan panggilan "Kak Yati" berkata, taklifan sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Kesejahteraan Keluarga dan Hal Ehwal Wanita di bawah majlis dapat mendekatkan beliau pada masalah golongan tersebut.

"Sejak tahun lepas lagi, Kak Yati dengan beberapa NGO (badan bukan kerajaan) Islam menjalinkan hubungan secara tidak langsung dengan sebuah pusat pemulihan remaja Islam di Selatan Seberang Perai.

"Di sana, semuanya sebaya dengan anak-anak Kak Yati. Sedih apabila menyelami perasaan mereka, terutama yang terlanjur dan melahirkan anak tidak sah taraf di sana.

"Mereka ini memang memerlukan sokongan dari segi pendidikan agama, sokongan moral dan psikologi kerana nasib yang menimpa mereka cukup mencabar," ujar Norhayati dalam satu wawancara bersama wartawan Buletin Mutiara (BM), **Zainulfaqar Yaacob** selepas majlis jamuan amal di Bayan Lepas baru-baru ini.

Norhayati berkata, remaja Islam yang terlanjur seringkali dihina oleh masyarakat, walhal pasangan lelaki yang bersama untuk bersekududukan tanpa izin itu seakan 'terlepas' serta tidak pernah diheret ke muka pengadilan secara serius.

"Apabila ada kes remaja (perempuan) Islam dirujuk ke pusat pemulihan, sepatutnya pasangan lelaki juga harus dipulihkan atau dibawa ke muka pengadilan, bukan dilepaskan begitu sahaja.

"Tapi, yang lebih baik adalah perlu ada langkah pencegahan macam yang Kerajaan Negeri Pulau Pinang buat (iaitu) kempen nilai 'Anda Bijak Jauhi Zina' dengan kerjasama NGO Nisa, PWDC (Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang) dan beberapa pihak yang lain lagi," ujar beliau.

**Pendidikan remaja**

Norhayati berkata, kaunseling serta penerapan akidah Islam kepada remaja berkenaan merupakan salah satu pendekatan pemulihan sahaja, tetapi ia masih belum mampu mencegah anak Pulau Pinang secara holistik dari cabaran globalisasi sedia ada.

"Itu, salah satu kaedah pemulihan saja. Kalau benar-benar nak buat perubahan, salah satu kaedah lain yang kita perlu buat adalah memperkasa 'pendidikan luar kelas' seperti menyuburkan gaya hidup yang sihat sebagai muslimah sejati itu dalam diri semua anak-anak kita di rumah atau luar rumah.



NORHAYATI Jaafar.

"Tak boleh masalah remaja ini dipertanggungjawabkan kepada guru-guru sekolah sahaja. Perlu ada modul khusus untuk membawa mereka ke alam remaja Islam secara sihat seperti bengkel, usrah, perkhemahan serta aktiviti luar kelas yang sihat dan membina perkembangan intelektual mereka.

"Dalam parti, benda ini semua (pendidikan luar kelas) ada tapi apabila kita buat, kita dianggap kempen politik. Dalam majlis (MAINPP), memang boleh buat lebih baik berbanding buat guna sayap wanita (parti) dulu.

"Alhamdulillah, kita telah pun mengemukakan (kepada MAINPP) satu modul pendidikan remaja Islam sejak tahun lepas lagi dengan bantuan beberapa ilmuan seperti Dr. Danial Zainal Abidin (pensyarah Universiti Sains Malaysia merangkap Ahli Majlis MAINPP).

"Sekarang, kita dalam proses mendapatkan bajet daripada MAINPP serta pihak korporat jika ada peluang. Kalau negeri Selangor ada modul khusus untuk remaja yang dikenali sebagai SPICE, kerajaan pusat pun dengan BTN (Biro Tata Negara) walaupun ada beberapa dakwaan eleman rasis dipertikai, di Pulau Pinang perlu suatu modul yang lebih baik dari itu," ujar beliau.

**Sekolah Mengandung**

Terlanjur berbicara mengenai pelan pemulihan remaja Islam yang terlanjur, Norhayati ditanya mengenai inisiatif Kerajaan Barisan Nasional Melaka memperkenalkan Sekolah Murid Mengandung.

"Sekolah ini ada pro dan kontra, tidak ada masalah untuk dibincangkan secara ilmiah dan intelektual. Ada pihak menolak idea ini kerana menganggap idea ini seolah-olah menggalakkan remaja Islam mengandung lalu digraduasi di sekolah khas itu.

"Ada pendapat lain mengatakan bahawa sekolah ini diperlukan bukan untuk menggalakkan remaja kita berzina lalu berlindung di sekolah ini, tapi sekadar suatu pusat pemulihan semata-mata.

"Demi menangani gejala ketagihan dadah umpamanya, kita sudah boleh menerima salah satu idea atau pendekatan termasuk di negeri ini, iaitu mewujudkan pusat Serenti. Mengapa tidak menimbang idea yang saudara sebut itu demi tujuan yang cukup mencerminkan Islam itu sebagai 'warahmatan lil 'alamin' (rahmat ke seluruh alam) yang dituntut dalam Islam, iaitu melindungi remaja Islam yang cuba mahu berubah atau diubah kembali ikut Islam?

"Di sinilah, pemimpin negeri perlu mempunyai idea yang konstruktif sekurang-kurangnya untuk dibincangkan kalau tidak dilaksanakan sekarang pun, supaya kita lebih dilihat cakna dan ambil tahu semua susah senang rakyat berbanding pemimpin-pemimpin pro pusat," ujar beliau.

Beliau berkata, jika idea ini mahu dicanai dalam negeri-negeri Pakatan Rakyat demi memulihara kembali remaja-remaja Islam yang terlanjur tersebut, beliau berharap modul pemulihan lebih menerapkan aspek pendidikan akidah Islamiah secara holistik.

**Harapan**

Dalam nada berseloroh, Norhayati berharap kepemimpinan Wanita lebih diberi peluang dalam memperkasa sokongan rakyat terhadap Kerajaan Negeri.

"Era pentadbiran Y.A.B. Ketua Menteri (Tuan Lim Guan Eng) dan Datuk Mansor Othman (Timbalan Ketua Menteri I) serta Prof. Dr. P. Ramasamy (Timbalan Ketua Menteri II) sekarang wajar dipuji sebab kedua-dua PBT diketuai oleh wanita.

"InsyaAllah, kita sangat berharap agar Kerajaan Negeri, khususnya pejabat Y.B. Datuk Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) serta MAINPP sendiri di bawah Ustaz (Datuk) Mohd. Salleh Man akan terus membantu kita menjayakan impian melahirkan remaja Pulau Pinang yang sihat," ujar beliau.

Norhayati berkata, "Remaja hari ini adalah cerminan masa depan Kerajaan Negeri Pulau Pinang."

# Kon Yeow perjelas isu pembangunan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –**Akhir-akhir ini, Kerajaan Negeri dikritik kerana pembangunan di kawasan lereng bukit yang dikatakan tidak terkawal terutama di bahagian pulau.

Lanjutan itu, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow tampil memberi penjelasan berkenaan isu pembangunan kawasan lereng bukit yang berketinggian 250 kaki di atas aras laut di Pulau Pinang. Berikut adalah penjelasan Kon Yeow pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

**1. Adakah pembangunan kawasan lereng bukit yang berketinggian 250 kaki di atas paras laut dibenarkan di Pulau Pinang?**

a. Dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan tanah di lereng bukit di pulau Pulau Pinang boleh disusur kembali pada tahun 1989 apabila buat pertama kali dalam sejarah, tercatat tentang kawalan ketinggian dalam Rancangan Struktur 1987 Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 19 Oktober 1989. Dalam dokumen ini, ia menyatakan bahawa pembangunan di atas tanah melebihi 200 kaki adalah dikawal rapi.

b. Pada 13 September, 1996, Kawalan Pembangunan dan Perancangan Pelan Induk (Pelan Asas Perancangan dan Kawalan Pemajuan MPPP) telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri yang dipengerusikan oleh (ketika itu) Ketua Menteri, Dr. Koh Tsu Koon dan turut dihadiri oleh Presiden MPPP, Dr. Teng Hock Nan. Antara fungsi-fungsi dan maksud pelan ini adalah untuk lebih mencerminkan bahawa matlamat, objektif, dan strategi Pelan Struktur 1987 serta untuk memperkenalkan sistem pengkelasan untuk kegunaan tanah. Di bawah Rancangan ini, memang ada plot tanah melebihi 250 kaki yang telah dizonkan untuk kegunaan kediaman.

c. Kawalan ketinggian 250 kaki berkuatkuasa selepas Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 yang telah diwartakan pada 28 Jun 2007. Pelan ini melarang pembangunan di kawasan yang melebihi 250 kaki di atas paras laut dan di cerun dengan kecerunan melebihi 25 darjah. Walau bagaimanapun, terdapat pengecualian bagi "projek khas" (Projek Negeri) yang membenarkan pembangunan terhad yang memerlukan kawalan ketat dengan garis panduan mengenai pembangunan, kelulusan EIA, serta kelulusan daripada Jawatankuasa Perancang Negeri.

Tidak ada definisi yang diberikan untuk "projek khas" dalam rancangan ini, yang telah diluluskan oleh JPN yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri (Dr. Koh Tsu Koon) dan dihadiri oleh ahli-ahli EXCO termasuk Dr. Teng Hock Nan, Teng Chang Yeow, Koay Kar Huah, dan Lau Chiek Tuan.

**2. Adakah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 menyatakan TIDAK BOLEH bagi pembangunan perumahan di atas 250 kaki?**

a. Ya, DK3 L2 dalam Rancangan Struktur Pulau Pinang 2020 menyatakan bahawa perumahan, hotel, resort, perdagangan, dan pembangunan industri TIDAK BOLEH dibenarkan di atas tanah bukit yang diwartakan di bawah Akta Pemuliharaan Tanah 1960, dan tanah di atas 250 kaki dan/atau dengan kecerunan melebihi 25 darjah.

b. Walau bagaimanapun, DK3 L4 menyatakan bahawa pembangunan yang terhad untuk "projek khas" di atas paras 250 kaki dibenarkan. Walaupun kekurangan definisi dan penerangan tentang apa yang menjadi "projek khas", majlis telah meluluskan pembangunan di atas tanah di atas paras 250 kaki walaupun dalam tempoh beberapa bulan antara mewartakan Rancangan Struktur Pulau Pinang pada tahun 2007 sehingga perubahan Kerajaan Negeri pada Mac 2008. Jika Barisan Nasional (BN) begitu berminat untuk menyelamatkan 'bukit-bukit mati', mereka mesti 'membatalkan' enam projek mereka, diluluskan dalam tempoh yang sangat singkat.

c. Kembali kepada soalan, ya DK3 L2 menyatakan tidak pada pembangunan tersebut, tetapi DK3 L4, "pembangunan terhad" adalah dibenarkan di bawah kawalan ketat. Apakah "pembangunan terhad"?

Maklum balas daripada Jabatan Perancangan Bandar & Desa (JPBD) dan majlis perancangan serta penasihat undang-undang semua bersetuju bahawa DK3 L4 berfungsi sebagai pengecualian kepada DK3 L2.

**3. Apakah "projek khas"?**

a. DK3 L4 Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 tidak menyatakan dengan jelas apa "projek khas". Pada Jun 2009, Jawatankuasa Perancang Negeri meluluskan garis panduan bagi "projek khas" yang dinyatakan di atas.

Tujuan mewujudkan garis panduan baru untuk menangani kekurangan definisi di DK3 L4 berhubung ke DK3 L2 serta DS30 (berkaitan dengan perumahan) yang menyatakan "pembangunan perumahan hanya akan dibenarkan di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti". DS30 L5 menyatakan bahawa zon yang diluluskan untuk perumahan termasuk kawasan yang telah dizonkan semula untuk perumahan dan diluluskan sebelum penerimaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.

b. Oleh DS30 L5, kawasan yang dizonkan untuk perumahan di tahun 1996 Pelan Asas (Kawalan Kemajuan dan Pelan Induk Perancangan) seharusnya kekal akan dibenarkan untuk pembangunan perumahan.

c. Untuk menangani pertindihan ini dalam dasar dan niat, Jawatankuasa Perancang Negeri pada tahun 2009 telah meluluskan garis panduan baru untuk mentakrifkan "Projek Khas" di bawah dua kategori.

Kategori 1 termasuk projek infrastruktur awam seperti kereta kabel, jalan raya, keretapi, kolam, jambatan, helipad, dll.

Kategori 2 - pembangunan perumahan: (i) perubahan guna tanah yang diluluskan sebelum pakai Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (ii) projek-projek pembangunan yang telah sebelum merancang kebenaran. (iii) kawasan-kawasan yang ditunjukkan sebagai zon perumahan mengikut 1996 Pelan Asas (sehingga Rancangan Tempatan telah diwartakan).

**4. Adakah majlis perancangan secara automatik meluluskan pembaharuan kebenaran perancangan tanpa mengkaji dan mengenakan**



CHOW Kon Yeow menunjukkan dokumen berhubung penjelasan isu pembangunan lereng bukit di sini baru-baru ini.

# lereng bukit

**syarat baru? Majlis perancangan boleh membatalkan kebenaran perancangan?**

a. Seksyen 24 (1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 menyatakan “kebenaran merancang yang diberikan di bawah seksyen 22 (3) hendaklah, melainkan jika dilanjutkan, luput 12 bulan selepas tarikh pemberian kebenaran itu jika, dalam masa itu, pembangunan telah tidak dimulakan dalam cara yang dinyatakan dalam kebenaran merancang itu.

b. Rancangan Struktur Pulau Pinang 2020, DS31 L1 menyatakan bahawa suatu kebenaran merancang hanya boleh dilanjutkan selama lima kali.

c. Seksyen 24 (5) akta sama menyatakan bahawa dalam memberikan lanjutan, pihak berkuasa tempatan boleh mengenakan syarat baru. Majlis perancangan bahkan boleh membatalkan kebenaran merancang, tetapi melainkan keadaan atau undang-undang sebelum ini telah dipecahkan, amalan majlis perancangan telah memberikan lanjutan mengikut garis panduan sedia ada.

**5. Pampasan apa yang terlibat jika kebenaran merancang dibatalkan?**

a. Seksyen 25 (7) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 memperuntukkan pampasan bagi perbelanjaan yang ditanggung dalam melaksanakan kelulusan itu sebelum pembatalan itu.

b. Walau bagaimanapun, jika pembangunan adalah tidak dibenarkan tanpa memberi perhatian kepada perubahan penggunaan tanah atau kelulusan sebelumnya yang diberikan sebelum Rancangan Struktur Pulau Pinang berkuatkuasa, tiada jaminan bahawa pemilik tanah yang telah membeli tanah pada harga yang tinggi tidak akan meminta pampasan untuk penafian yang tidak adil pembangunan hak. Ini juga berkaitan dengan tanah yang telah ditandakan untuk tujuan pembangunan perumahan dalam pelan 1996.

c. Relevan dengan ini - Seksyen 30 (1) memperuntukkan bahawa pihak berkuasa perancang tempatan boleh, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, melalui notis rekuisisi (tuntutan) yang memberhentikan apa-apa penggunaan tanah atau mengenakan syarat-syarat bagi penggunaan tanah yang berterusan. Rayuan boleh difailkan kepada Lembaga Rayuan dan notis itu hendaklah digantung sehingga penentuan atau penarikan balik rayuan itu.

d. Seksyen 30 (5) memperuntukkan, jika pemilik tanah, akibat kepada notis permintaan, mengalami kerosakan dalam bentuk susut nilai nilai tanah atau perbelanjaan atau kos dalam menjalankan kerja-kerja bagi mematuhi notis itu, dia boleh menuntut pampasan daripada pihak berkuasa perancang tempatan bagi kerugian, perbelanjaan atau kos.

e. Lanjut, Seksyen 37 membolehkan pemilik tanah yang telah dinafikan kebenaran merancang di bawah Seksyen 22 (3) atas alasan bahawa tanah yang ditunjukkan dalam pelan pembangunan bagi maksud awam atau mana tanah yang telah terjejas oleh notis permintaan di bawah Seksyen 30, mendakwa bahawa tanah itu tidak berupaya untuk kegunaan berfaedah yang munasabah dan oleh itu boleh menyampaikan kepada pihak berkuasa perancang tempatan suatu notis pembelian yang memerlukan kepentingan beliau dalam tanah yang akan dibeli.

Kesimpulannya, kerana terdapat beberapa kes-kes yang berkaitan dengan pembangunan tanah bukit yang telah difailkan melalui Lembaga Rayuan, Kerajaan Negeri dan MPPP mulai sekarang hendaklah berhenti untuk membuat apa-apa kenyataan lanjut yang boleh dianggap prejudis kepada rayuan yang sedang berlangsung. Isu-isu undang-undang masih diperdebatkan dan semua pihak yang terlibat akan membentangkan hujah-hujah mereka apabila kes didengar oleh Lembaga Rayuan kelak.

# Stesen bas selesa dibina demi rakyat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BALIK PULAU –** Bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam kepada masyarakat di sekitar Taman Sri Indah, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Mohd. Taufik Sulong mengambil inisiatif bersama sebuah syarikat swasta, *Parasign* bagi membina sebuah hentian bas di taman tersebut baru-baru ini.

Mohd. Taufik berkata, hasil kerjasama tersebut, sebuah stesen bas bernilai hampir RM 50,000 sedang dalam proses terakhir pembinaan bagi memenuhi keperluan penduduk yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam terbabit setiap hari.

“Hampir 15 tahun penduduk setempat di taman ini terpaksa berpanas, berhujan dan berdiri lama bagi menunggu bas kerana hentian sedia ada (didirikan kerajaan terdahulu) tidak mempunyai struktur bumbung dan tempat duduk.

“Hentian bas tersebut masih dalam proses penambahbaikan kepada sebuah stesen yang mesra orang kurang upaya (OKU).

“Hasil daripada pembiayaan dan tajaan stesen bas tersebut, syarikat *Parasign* telah diberikan hak pengiklanan sepenuhnya dalam jangka masa yang ditetapkan,” ujarnya ketika dihubungi oleh Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, tambah Mohd. Taufik, hentian bas sama turut didirikan berhadapan Kolej Kemahiran Tinggi Mara (KKTM) di sini.

“Saya berasa gembira kerana dapat menolong masyarakat setempat. Ini merupakan salah satu inisiatif yang bukan sahaja membantu penduduk, tetapi turut menyokong dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam bagi mengurangkan kesesakan lalulintas kini.

“Semua stesen bas di sini bakal dinaiktaraf hasil ikatan kerjasama terbabit. Malah, MPPP juga telah memperuntukkan sejumlah dana bagi menjalankan tanggungjawab sosial ini,” ujarnya.



**MOHD. Taufik Sulong melawat hentian bas yang masih dalam fasa terakhir penambahbaikan di Taman Sri Indah di sini baru-baru ini.**

# Keriangan Aidilfitri terukir di Penaga

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PENAGA –** Sudah menjadi kelaziman buat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain bahawa acapkali tibanya bulan Ramadhan al-Mubarak, anak-anak yatim dan mereka yang kurang bernasib baik pasti diraikan.

Rosidi berkata, pada tahun ini, anak-anak yatim di sekitar kawasan Penaga diraikan dengan penuh gilang-gemilang pada penganjuran Karnival Mahabbah di sini baru-baru ini.

"Ini merupakan program bantuan dan sumbangan yang ketujuh kepada anak-anak yatim di sini.

"Alhamdulillah, hasil usaha semua pihak termasuk Pusat Khidmat PPK, Zakat Pulau Pinang dan badan-badan bukan kerajaan, kita dapat menjayakan karnival kali ini," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Karnival yang diadakan di Kiosk Bertam, Bertam Perdana turut dijayakan oleh para penyumbang prihatin.

"Selain sumbangan duit raya, turut disumbangkan adalah barangan sampingan sebagai persediaan menyambut Aidilfitri berjumlah RM250.

"Semoga sumbangan yang tidak seberapa ini dapat mengukir keriangan di wajah anak-anak yatim ketika berhari raya," tambah Rosidi lagi.



**KIBARAN** Jalur Gemilang simbolik sambutan Merdeka Raya oleh anak-anak yatim dan para penyumbang pada penganjuran Karnival Mahabbah di sini baru-baru ini.

## Santuni anak-anak yatim sempena Aidilfitri



**MOHD.** Yusmadi Mohd. Yusoff (dua dari kiri) menyampaikan buku akaun simpanan Tabung Haji kepada salah seorang anak yatim sambil diperhatikan Asnah Hashim (bertudung) pada Majlis Berbuka Puasa bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

**SANTUNI...** Seramai 30 anak-anak yatim sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Bayan Lepas menerima sumbangan RM200 berbentuk akaun simpanan Tabung Haji.

Sumbangan disampaikan oleh Ahli Parlimen Balik Pulau, Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff sempena Majlis Berbuka Puasa bersama Ketua Menteri di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pegawai KADUN Bayan Lepas, Asnah Hashim berkata, kita berasa syukur dalam bulan penuh kemuliaan dan kerahmatan ini, kita dapat melakukan ibadah dalam keadaan yang aman dan sempurna.

Walau bagaimanapun, katanya, sebagai manusia, kita tidak seharusnya melupai insan lain yang kurang bernasib baik terutama mereka yang telah kehilangan orang-orang tersayang.

"Menyantuni anak-anak yatim juga adalah sebahagian daripada ibadah.

"Semoga kehadiran Aidilfitri kali ini memberi keriangan kepada anak-anak ini," kata Asnah.

## Pemeriksaan mata percuma di Kebun Bunga

**PADANG TEMBAK –** Penganjuran Pemeriksaan Mata Glaukoma Percuma di Dewan Komuniti Padang Tembak di sini baru-baru ini adalah untuk memberi kesedaran kepada umum tentang gejala-gejala awal glaukoma dan rawatan glaukoma.

Penganjuran tersebut adalah rentetan projek komuniti, *'Walk for Sight & Sound 2012' Blind-folded Charity Walk* yang bakal diadakan pada September ini bagi mengumpul dana untuk beberapa rumah kebajikan termasuk *St. Nicholas' Home,* Persatuan Pekak Pulau Pinang dan Persatuan Glaukoma Malaysia.



**TAN** Thok Chuan (depan sekali) memberi tips-tips penjagaan mata kepada penduduk yang hadir pada program Pemeriksaan Mata Glaukoma Percuma di Dewan Komuniti Padang Tembak di sini baru-baru ini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Ong Khan Lee berkata, umum perlu mengetahui gejala dan penjagaan yang perlu bagi mengelak terjadinya glaukoma.

"Hal ini, boleh menyebabkan seseorang itu hilang daya penglihatan sekiranya mereka tidak mengambil berat soal penjagaan mata," katanya di sini baru-baru ini.

Kira-kira 200 penduduk sekitar Padang Tembak hadir untuk mendapatkan pemeriksaan percuma di samping mengetahui tentang gejala glaukoma dan penjagaan mata.

Turut hadir, optometris, Tan Thok Chuan yang memberi taklimat tentang penjagaan mata yang betul dan cara-cara mengenalpasti gejala-gejala awal glaukoma.

Program tersebut dianjurkan *Lions Club of Georgetown Perdana,* Persatuan Glaukoma Malaysia, Persatuan Optometris Malaysia (AMO) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Padang Tembak.

# Pasukan Pemantauan Pengguna jamin hak pengguna



Malik Abul Kassim (berkaca mata) bersama Shahril Zamani Md. Zain (dua dari kanan) dan Mohd. Tuah Ismail (kanan sekali) ketika mengadakan pemantauan harga di Pasar Awam Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**PULAU BETONG –** Bagi memastikan para peniaga tidak menaikkan harga barangan keperluan secara mendadak bersempena sambutan Aidilfitri, pasukan Pemantauan Pengguna *(Consumer Watch)* yang ditubuhkan khas oleh Kerajaan Negeri telah mengadakan 'lawatan mengejut' ke Pasar Awam Balik Pulau, Jalan Tun Sardon di sini baru-baru ini.

Lawatan tersebut diketuai Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim serta wakil Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) yang turut memantau tanda harga serta tahap kebersihan premis perniagaan di sini.

Menurut Abdul Malilk, Kerajaan Negeri sememangnya sedar dan prihatin akan beban yang ditanggung oleh rakyat berikutan kenaikan harga barangan keperluan secara mendadak.

"Tujuan (pemantauan) kita adalah untuk memastikan tidak timbul rungutan pengguna yang terbeban dengan kenaikan harga barang keperluan terutama ketika sambutan Aidilfitri.

"Alhamdulillah, sejak kita tubuhkan *Consumer Watch* pada tahun 2008, ia bukan sahaja dapat mengawal kenaikan melampau harga barang-barang keperluan, tetapi, kita (Kerajaan Negeri) juga dapat memastikan hak pengguna terpelihara," kata Abdul Malik ketika mengadakan pemantauan harga khas di Pasar Awam Balik Pulau di sini baru-baru ini.

Selain itu, beliau turut mengedarkan senarai barang-barang kawalan dan senarai harga terkini barangan utama di pasaran kepada Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan PPK Telok Bahang, Halil Sabri Hamid. Serantak itu, beliau turut menyeru mereka (PPK) menjalankan pemantauan secara berkala.

Hadir sama, Penolong Pengarah (Hal Ehwal Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Shahril Zamani Md. Zain dan ahli-ahli jawatankuasa Pasukan Pemantauan Pengguna.

Dalam pada itu, Mohd. Tuah ketika ditemui berkata, pemantauan tersebut sedikit sebanyak dapat mengelakkan para peniaga menaikkan harga barangan keperluan dengan sesuka hati terutama menjelang perayaan dan cuti umum.

"Kenaikan harga barangan memang membebankan terutama kepada mereka yang berpendapatan kecil. Jadi dengan adanya lawatan begini, harga barangan dapat dikawal," ujarnya.

Bagi Halil Sabri pula, beliau menyatakan bahawa para peniaga akan memastikan premis-premis perniagaan sentiasa bersih dan mempunyai stok bekalan barangan utama yang mencukupi sekiranya pemantauan secara berkala dijalankan di pasar-pasar awam di Pulau Pinang.

## ADUN Pantai Jerejak lawat bazar, serah apron

**BAYAN BARU –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin baru-baru ini mengadakan lawatan ke tapak Bazar Ramadhan Bayan Baru bagi menyampaikan apron kepada para peniaga di bazar tersebut.

Serentak itu, difahamkan, beliau turut memantau harga barangan jualan dan memastikan tahap kebersihan penggerai adalah terjamin demi kepentingan semua pihak terutamanya pengguna.

Bersempena sesi turun padang tersebut, Tze Tzin turut mengunjungi setiap gerai dan mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri serta memberi ingatan agar berhati-hati di jalan raya apabila pulang beraya ke kampung halaman.

Selain apron, Tze Tzin turut menyampaikan beg kitar semula berserta risalah berkaitan kebersihan, penghijauan dan kesihatan kepada para peniaga.



SIM Tze Tzin (berkemeja putih) menyampaikan beg kitar semula dan apron kepada salah seorang peniaga di Bazar Ramadhan Bayan Baru di sini baru-baru ini.

## 70 asnaf diraikan sempena Aidilfitri

**PENANTI –** Sempena sambutan Aidilfitri, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Datuk Mansor Othman berbesar hati menyampaikan duit raya berjumlah RM50 setiap satu kepada 70 asnaf fakir miskin di sini baru-baru ini.

Mansor yang juga Timbalan Ketua Menteri I menyatakan bahawa dalam kegirangan dan keghairahan menyambut Aidilfitri, mereka yang bernasib baik tidak seharusnya melupakan golongan yang memerlukan.

"Malah, dalam Islam sendiri, Rasulullah S.A.W menyeru umat Islam supaya saling bantu membantu sesama kita.

"Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah. Tangan yang di atas adalah pemberi dan tangan yang di bawah adalah penerima," katanya dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Aidilfitri dan Majlis Berbuka Puasa bersama Datuk Seri Anwar Ibrahim di Masjid Jamek Kubang Semang di sini baru-baru ini,

Tambah Mansor lagi, bersedekah juga adalah keberkatan yang berpanjangan dan mempunyai banyak fadilatnya.

Selain pemberian duit raya, mereka (asnaf) juga menerima hamper keperluan barangan asas seperti beras, minyak masak, minuman tin, gula dan biskut.

Hadir sama, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Halim Hussain; Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Yang diPertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, Datuk Mohd. Salleh Man dan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim.


Pulau Pinang Bersih,
Hijau, Selamat & Sihat
BERSATU DAN SETIA
CONTOH
100
DAFTARLAH
SEKARANG!!!
di pejabat
ADUN
ANDA!
PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS . PROGRAM ANAK EMAS
PROGRAM RAKAN ANTI-KEMISKINAN . PROGRAM PELAJAR EMAS